

Berdiam diri lebih baik: Najib

BH 31 AUG 2002

PEKAN, Jumaat – Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak berpendapat sikap berdiam diri yang diambilnya adalah langkah terbaik berhubung isu siapa bakal menjadi calon Timbalan Perdana Menteri selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

“Ya...lagi diam lagi bagus”, katanya sambil tersenyum ketika mengulas mengenai dakwaan sesetengah pihak ketika ini beliau lebih banyak berdiam diri berhubung calon pengganti Timbalan Perdana Menteri.

Najib berkata demikian selepas majlis penyampaian bantuan ihsan mangsa banjir daerah Pekan, di Dewan Majlis Daerah Pekan, di sini hari ini.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masih berpegang kepada kata-katanya untuk

menamakan timbalan beliau sebelum mengambil alih jawatan Perdana Menteri, tahun depan.

Katanya, Abdullah pernah berjanji akan mengumumkan timbalannya selepas dua pilihan raya di Kedah bulan lalu.

“Hari ini masih selepas pilihan raya kecil itu dan sekalipun selepas setahun atau lebih, ia masih selepas pilihan raya itu.

“Sebenarnya beliau tidak berkata bila atau selepas beberapa hari atau bulan dan dia tidak memungkirinya,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berharap Puteri Umno sentiasa patuh kepada etika pertandingan menjelang pemilihan jawatan sayap itu, 2 November ini.

“Puteri perlu menjadikan satu organisasi yang mencerminkan imej sebersih mungkin dan tidak dinodai dengan amalan buruk seperti salah guna kuasa dan politik wang,” katanya.